

19/04/2001

Fauzi harus contohi tokoh Umno terima kekalahan

Zuk Valenteno

SAYA terharu dan insaf selepas membaca sebanyak dua kali rencana pengarang Berita Minggu bertarikh 1 April 2001 mengenai, antara lainnya menyebut "... apabila orang politik bersikap tidak cerdas".

Saya terharu kerana saya dapati rencana pengarang itu agak konsisten dengan senario politik yang berlaku dalam Umno Bahagian Kuantan dan insaf kerana sebagai media yang berwibawa, rencana itu mampu menyentuh secara khusus permasalahan yang kini dilaporkan oleh media tempatan sebagai 'bergelora' di kawasan Dewan Undangan Negeri Beserah.

Saya mendapati rencana itu dapat menghayati secara spesifik senario di Kuantan, termasuk watak utama dan persoalan yang timbul berikutan apa yang disifatkan sebagai peletakan jawatan Datuk Fauzi Abdul Rahman sebagai Adun.

Setelah apa yang berlaku dan menjadi sejarah, kini Barisan Nasional (BN) sedang bersiap sedia lantaran kebarangkalian satu pilihan raya kecil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Beserah. Kalau benar Fauzi sudah meletak jawatan, kita ucapkan terima kasih kepada beliau di atas inisiatifnya menambahkan satu lagi agenda (atau pun masalah?) untuk Umno Pahang, khususnya Umno Bahagian Kuantan kerana sementara kita akan menghadapi pemilihan jawatankuasa bahagian (kini ditangguhkan untuk siasatan terhadap dakwaan berlaku politik wang), kita mungkin akan terpaksa berhempas pulas sekali lagi selepas Sanggang, Teluk Kemang dan Lunas untuk mempertahankan kerusi BN yang kita menangi pada pilihan raya umum 1999.

Bezanya di Beserah ialah kalau berlaku pilihan raya kecil adalah kerana wakilnya sekarang meletak jawatan dan bukan disebabkan kematian sebagaimana sebab tiga pilihan raya kecil sebelum ini. Kalau benar Fauzi bertekad untuk meletak jawatan, tiada sesiapa boleh menghalang niat beliau (atas sebab prinsipnya) dan BN hendaklah bersedia mempertahankan kerusi itu. Persoalan pertama yang hendak saya utarakan ialah benarkah Fauzi sudah meletak jawatan? Laporan akhbar harian tabloid berbahasa Inggeris pada hari pertama berita itu dilaporkan mengesahkan Fauzi sudah meletak jawatan. Kenyataan yang disiarkan sehari selepas itu memberitahu kita bahawa beliau sudah berbuat demikian dan sudah menghantar surat peletakan jawatan itu kepada Menteri Besar Pahang. Kita semua kemudian dengan secara jelas diberitahu beliau sudah meletak jawatan. Namun, setelah surat beliau dibacakan pada Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 31 Mac 2001, nyata beliau belum berbuat demikian, tetapi memberitahu seantero Malaysia bahawa beliau sudah tidak lagi bergelar Yang Berhormat (YB). Jadi, yang mana satu betul dan kalau benar, mana dia surat peletakan jawatan itu? Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu sidang media selepas mesyuarat itu bahawa beliau tidak faham kandungan surat Fauzi dan Majlis Tertinggi Umno tidak dapat mentafsir kandungannya! Beliau tidak mengerti sehingga Dr Mahathir menambah kata bahawa "... Majlis Tertinggi tidak tahu apa yang Fauzi mahukan".

Kita dimaklumkan bahawa surat itu tidak menyatakan secara jelas permohonan meletak jawatan atau ketetapan meletak jawatan atau sebarang gambaran bahawa peletakan jawatan sudah berlaku. Tiada. Akan tetapi Fauzi memberi isyarat bahawa beliau sudah meletak jawatan dan berbuat demikian kerana tidak lagi mendapat sokongan Umno Bahagian Kuantan yang cawangannya (yang berada dalam kawasan DUN Beserah) sendiri tidak mencalonkan beliau untuk mempertahankan jawatan berkenaan.

Jadi, sampai sekarang kita dimaklumkan Fauzi dipetik sebagai berkata,

sebagai ahli parti, beliau menyerahkan surat itu kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Pahang dan apabila dipersetujui/diterima saja, barulah beliau akan menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Speaker DUN Pahang. Jadi, kalau kita ambil kenyataan terakhir beliau, bermakna beliau belum lagi meletak jawatan.

Perkembangan terbaru ialah beliau akan hanya berbuat demikian apabila parti menerima peletakan jawatan itu. Bagaimanapun, menurut Umno, surat yang dihantar kepada Datuk Seri Adnan itu bukanlah surat peletakan jawatan! Beliau juga dilaporkan berkata bahawa tindakan meletak jawatan itu ialah untuk 'mengehendaki' (ataupun memaksa?) parti menyiasat aduan politik wang di Bahagian Kuantan dan sebagai parti yang bertanggungjawab dan ingin membersihkan jemaah daripada musibah politik itu, Umno menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiasat aduan beliau. Syabas kita ucapkan kepada Fauzi kerana dengan sekelip mata saja, beliau menjadi popular dan menjadi buruan media, mendapat perhatian Majlis Tertinggi dan buah mulut politik tempatan untuk sekurang-kurangnya seminggu lagi.

Pun begitu, kita tidak boleh salahkan beliau kerana kadang kala sebagai orang politik yang semakin dilupakan, lantaran munculnya tokoh yang lebih berwibawa, mereka terpaksa berbuat demikian untuk mendapat perhatian kerana bayangkanlah, seketika dulu beliau adalah Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan dan dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ketika menyandang kedua-dua jawatan ini, beliau sering mendapat publisiti dan tanpa publisiti, biasanya dilupai! Beliau kemudian dipindahkan ke DUN dan pada perkiraan politik biasa dan mungkin pada harapan beliau, terasa bahawa penghijrahan itu ada kena mengena dengan perancangan untuk jawatan tertentu pada peringkat negeri. Namun, seperti yang kita tahu, beliau tidak diberikan sebarang jawatan penting, jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Exco pun tidak (dan tidak pula menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri) dan, kini jawatan politik di bahagian pun terancam!

Inilah politik. Suatu kenyataan yang tidak boleh dipertikaikan, berlaku dahulu, kini dan akan selamanya. Sebagai orang lama dalam politik (dalam perkataannya sendiri), beliau sepatutnya dapat menerima hakikat bahawa ada masa kita diperlukan dan ada masa kita tidak diperlukan lagi. Keperluan ini adalah menjadi intipati yang menyumbang kepada kesegaran proses sistem demokrasi. Ini pernah berlaku dalam Umno dan kalau Fauzi lupa, saya berikan contoh Tun Ghafar Baba yang menarik diri kerana tidak mendapat pencalonan secukupnya untuk mempertahankan kerusi Timbalan Presiden pada 1993. Ghafar menerima dengan tenang walaupun ketika itu kita diberitahu bahawa tahap kegunaan politik wang dalam Umno sudah membarahi parti sehingga wang dikatakan menguasai segala-galanya.

Berikutnya beberapa lagi tokoh parti kecundang dan menerima keputusan majoriti dengan tenang dan mereka termasuk Tan Sri Sanusi Junid di Langkawi (1995), Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik di Kota Melaka (1998) dan beberapa lagi. Mereka menerima setiap kemungkinan dengan tabah dan terus berada dalam Umno. Ini berlainan sekali dengan sikap Fauzi yang seperti kata Dr Mahathir, sudah berbuat sesuatu yang boleh mendatangkan masalah kepada parti.

Persoalan kedua ialah andai kata Fauzi sudah merajuk dan berkata tindakan meletak jawatan itu kerana Umno tidak lagi perlukan perkhidmatannya, maka jawatan yang sesuai dilepaskan ialah Ketua Umno Bahagian Kuantan dan bukannya Adun Beserah. Ini adalah tindakan yang paling wajar kerana untuk berlaku adil kepada semua pihak termasuk dirinya sendiri, Fauzi sepatutnya tidak lagi memegang jawatan berkenaan yang dipilih oleh perwakilan Umno yang mana majoritinya yang kini tidak lagi mahukan beliau.

Sehubungan itu, ia hanya logikal apabila Fauzi melepaskan jawatan Ketua Umno Bahagian Kuantan kerana yang menjadi punca masalah untuk beliau ialah kurangnya pencalonan sehingga untuk melayakkan diri bertanding pun tidak cukup. Apabila ini berlaku, beliau sudah pun tewas di luar gelanggang dan ini adalah hakikat yang paling pahit untuk diterima oleh seseorang ahli politik.

Secara perbandingannya, Datuk Dr Ibrahim Saad yang ditolak oleh Umno Bahagian Bukit Mertajam menerima dengan baik keputusan itu walaupun sudah agak sebatu (dengan politik bahagian) lantaran memegang jawatan berkenaan selama 17 tahun. Kita tidak pula mendengar berita beliau turut sama 'merajuk' dan ingin mengadukan kepada pihak atasan mengenai taktik tertentu sehinggalah beliau kecundang di luar gelanggang. Kita percaya Dr Ibrahim mungkin mempunyai perasaan lebih sedih apabila kepemimpinannya ditolak setelah lama berkhidmat, namun sebagai ahli politik tulen beliau menerima keputusan itu dengan tenang dan sabar, tidak macam orang lain!

Dalam hal meletak jawatan, saya berpendapat Fauzi perlu belajar daripada bekas Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Musa Hitam; bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba; bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Sanusi Junid; bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Thamby Chik; bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar; dan Naib Ketua Pemuda, Datuk Aziz Sheikh Fadzir yang meletak jawatan tanpa sebarang klausa tertentu atau memberikan harapan bahawa peletakan jawatan itu adalah suatu tawaran dan bukannya suatu ketetapan.